





Alias H. Yusoff (DBP)

ZALINA HJ. ARSHAD
Foto ALIAS HJ. YUSOF

Pancaran Warisan



Sirih junjung:
Tamu disambut
adat/sanjung



Alias Hj. Yusoff (DBP)

NEGERI Sembilan Darul Khusus merupakan satu-satunya negeri di Malaysia yang cukup kaya dengan warisan Minangkabau. Ciri fizikal warisan ini jelas terpancar pada rekabentuk beberapa bangunannya. Antaranya ialah bangunan Muzium Negeri yang berusia 135 tahun itu, yang membantu mengistimewakan lagi kompleks Taman Seni Budaya.

Istana kayu ini asalnya terletak di Ampang Tinggi, Kuala Pilah, kira-kira 40 kilometer dari kedudukan sekarang, kemudian dialihkan ke Taman Bunga Seremban pada tahun 1953 hingga 1985, dan selepas itu dibaikpulihkan menjadi Muzium Negeri. Kini, istana yang didirikan pada tahun 1865 itu tersergam indah bersebelahan Teratak Perpatih di Taman Seni Budaya, kira-kira tiga kilometer dari Seremban.

Minangkabau

Istana yang mengambil ciri-ciri seni bina Istana Pagar Ruyung di Indonesia ini dibina oleh Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan kelima, Yam Tuan Ulin, yang juga Imam yang menerajui takhta kerajaan negeri dari tahun 1861 hingga 1869. Apabila pembinaannya siap, Yam Tuan Ulin menghadiahkannya kepada puterinya Tunku Chindai yang berkahwin dengan sepupunya Tunku Muda Chik, iaitu putera Yam Tuan keempat, Yam Tuan Radin.

Istana yang terletak kira-kira sepuluh kilometer dari Seri Menanti (sebelum dipindahkan) ini ditambah ukiran-ukiran halus oleh beberapa pengukir istana pada zaman pemerintahan Tunku Muda Chik. Kemudian, ia dihadiahkan pula kepada puterinya Tunku Halijah yang berkahwin dengan Yam Tuan Muhammad, Yam Tuan ketujuh. Apabila Tunku Halijah mangkat pada tahun 1921, dari semasa ke semasa ia dihuni oleh anggota keluarga diraja lain, dan sejak tahun 1930 ia tidak dihuni secara tetap, dan kemudian terbiar.

Kini, istana yang merakam pelbagai sejarah salasilah diraja menjadi kebanggaan rakyat Negeri Sembilan sebagai muzium yang melambangkan kehidupan rakyat yang dilingkungi adat perpatih. Untuk memasukinya, kita harus memanjat tangga terukir indah bentuk 'maharisi', lalu terpaksa tunduk melalui pintu yang agak kecil. "Pintu masuk yang kecil ini melambangkan betapa jika memasuki rumah seseorang mesti tunduk dan sopan," kata seorang pengawal di situ.


Berada di dalamnya, saya menjadi terpegun dengan ukiran pintu antara serambi dengan ibu rumah yang kelihatan teguh berukir ayat-ayat suci al-Quran tanpa sebarang ensel atau tempat kunci. "Itulah pintu gelangsar."



A Hiasan Dalaman: Unik dengan pelbagai pameran masyarakat Minang serta ukiran dinding yang indah.

B Replika persandingan masyarakat Minangkabau di ruang tamu muzium.





Amin M. Yusoff (1989)

C Muzium (istana) yang asal sewaktu di Kuala Pilah.

D Teratak Perpatih: Terserlah ciri-ciri budaya Minangkabau menyerikan Kompleks Taman Seri Budaya.

terang pengawal itu lagi, dan menurutnya pintu gelangsar seperti itu tidak mungkin dapat ditemui di mana-mana tempat di Malaysia.

Berada di dalam muzium ini, kita bagaikan terikat dengan adat-adat orang Melayu yang mementingkan kesopanan dan kesusilaan. Replika majlis persandingan masyarakat Minangkabau, bahan-bahan pameran seperti senjata, dulang berkaki, tepak sirih dan alat-alat tembaga, anting-anting yang dipakai di birai katil serta kukur kelapa berukir disusun indah bagai mengajak kita memahami betapa bahan-bahan itu sebagai asas penting dalam masyarakat Melayu khususnya masyarakat Minang.

Walaupun kepala-kepala binatang seperti rusa dan seladang yang diawet itu menakutkan, namun bahan-bahan yang dipamerkan itu melambangkan kemahiran berburu raja-raja atau orang zaman dahulu.

Di samping itu, terdapat gambar-gambar sejarah tergantung kemas di dinding. Selain gambar Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Jaafar dan Tuanku Najihah, terdapat gambar-gambar Yam Tuan ketujuh dan delapan serta gambar bangunan asalnya sewaktu di Kuala Pilah dan juga gambar kota-kota bersejarah di Negeri Sembilan.

Muzium (istana) yang didirikan tanpa sebarang paku ini menunjukkan kemahiran

tukang-tukang kayu serta keunikannya inilah yang rasanya sukar dipercayai. Muzium yang beratapkan rumbia dan mempunyai serambi yang melebar panjang ini mempunyai tiang seri bulat diperbuat daripada kayu cengal.

Bersesuaian dengan pembinaan asalnya di atas permatang yang menghala ke sebuah sawah padi yang luas, muzium yang bagaikan sebuah rumah ini masih mengekalkan situasi di sawah. Misalnya, adanya rumah Minang di sebelah muzium dan di halamannya terdapat peralatan seperti lesung padi, kepuk dan kipas padi. Di sebelah kanan halaman terdapat replika batu *Megalith* dengan pemandangan rumput menghijau mengelilingi muzium berwarna kehitaman.

Rekabentuk Minang yang tergambar jelas pada muzium ini menarik ramai pengunjung dari dalam dan luar negara. Menurut Dato' Pengelola Istana, Dato' Bijaya Diraja, kaitan raja-raja Negeri Sembilan yang asalnya dari Pagár Ruyung, Sumatera masih teguh hingga sekarang. Ini sekaligus membuktikan pertalian di antara raja dan rakyat Negeri Sembilan dengan masyarakat Padang, Sumatera Barat. Jadi, tidak menghairankan apabila istana, muzium malahan rumah-rumah di Negeri Sembilan mempunyai persamaan dengan rekabentuk bangunan di Padang. **DS**

